



## **Pemikiran Hadith Abdul Hayei Abdul Sukor**

Monika @ Munirah binti Abd Razzak<sup>1</sup> & Nik Mohd Zaim bin Ab Rahim<sup>2</sup>

### **ABSTRAK**

*Abdul Hayei Abdul Sukor merupakan seorang tokoh hadith tanah air yang banyak menyumbangkan pemikirannya dalam bidang hadith menerusi penulisannya. Beliau merupakan seorang yang aktif memberikan pandangan dan ulasan mengenai kefahamannya terhadap hadith. Artikel ini memaparkan pemikiran hadith Abdul Hayei Abdul Sukor menerusi karya-karya yang dihasilkannya. Untuk mendapatkan data, metode analisis isi kandungan digunakan, manakala analisis data pula metode induktif, deduktif dan komparatif digunakan. Analisis memfokuskan kepada ulasan terhadap pemikiran hadith Abdul Hayei Abdul Sukor dalam beberapa karyanya dari sudut riwayat al-hadith, dirayah hadith dan sharh hadith. Hasil analisis mendapati Abdul Hayei Abdul Sukor amat menitikberatkan penggunaan hadith-hadith sahih dalam berhujah. Beliau antara tokoh yang memperjuangkan penggunaan hadith yang tepat dan sahih di samping mengelakkan penggunaan hadith da'if dalam berhujah. Beliau juga tegas terhadap isu pengamalan hadith da'if dalam urusan fada'il a'mal yang mana tidak menjadikannya sebagai dasar pegangan pemikiran hadithnya.*

**Kata kunci:** *hadith, pemikiran, riwayat al-hadith, dirayah hadith, sharh hadith*

### **ABSTRACT**

*Abdul Hayei Abdul Sukor is a national hadith figure who has contributed many of his ideas in the field of hadith through his writing. He was an active participant who shared his thoughts and comments on his understanding of hadith. This article depicts Abdul Hayei Abdul Sukor's hadith thoughts through the works he created. To collect data, inductive, deductive, and comparative methods were used, while inductive, deductive, and comparative methods were used for data analysis. The analysis focuses on Abdul Hayei Abdul Sukor's commentary on hadith thought in some of his works from the perspective of narration of al-hadith, dirayah hadith, and sharh hadith. According to the findings of the analysis, Abdul Hayei Abdul Sukor emphasised the use of authentic hadiths in his arguments. He was one of the figures who fought for the use of authentic and accurate hadith while avoiding the use of da'if hadith in*

<sup>1</sup> Monika @ Munirah binti Abd Razzak, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, munirahar@um.edu.my

<sup>2</sup> Nik Mohd Zaim bin Ab Rahim, Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Jalan Sultan Yahya Petra, 54100 Kuala Lumpur, nmzaim.kl@utm.my

*debate. He is also adamant about using hadith da'if in matters of fada'il a'mal, though this is not the foundation of his hadith thinking.*

**Keywords:** *hadith, thought, narration of al-hadith, narrated hadith, sharh hadith*

## PENDAHULUAN

Perkembangan teknologi semasa telah memudahkan pencarian sumber maklumat dilakukan dengan cepat dan pelbagai pilihan. Menerusi internet sahaja, perbincangan mengenai ilmu hadith mudah didapati menerusi carian enjin, blog, laman web, forum dan sebagainya. Namun, persoalannya adakah maklumat yang dipaparkan itu adalah benar? Perkembangan semasa ini turut juga mendorong penyebaran hadith-hadith masyhur di Malaysia menerusi pelbagai medium lain seperti televisyen, radio, buku-buku dan majalah. Menerusi medium ini, didapati terdapat pelbagai hadith palsu yang tersebar ke dalam masyarakat secara langsung mahupun tidak langsung. Oleh yang demikian, kefahaman terhadap ilmu hadith perlu difahami dan dikuasai.

Sesungguhnya ilmu hadith merupakan salah satu cabang ilmu yang diwarisi daripada para ulama' silam. Ternyata ilmu hadith yang ada sekarang telah melalui beberapa peringkat sehinggalah ia menjadi satu cabang ilmu yang sangat berharga dalam Islam. Dalam mendalami kefahaman terhadap ilmu hadith, perkara yang menjadi asas yang penting adalah mengetahui kepentingan sanad dan matan di samping menguasai '*Ilm al-Jarh wa al-Ta'dil*' (kecacatan dan keaiban yang ditunjukkan kepada para periwayat dengan menggunakan lafaz kata-kata khusus dalam menerima atau menolak sebarang riwayat dalam kalangan mereka). Inilah aspek yang menjadi penekanan oleh tokoh semasa seperti Abdul Hayei Abdul Sukor.

Menulis mengenai seorang tokoh yang berpengaruh dan sarjana dalam bidang hadith merupakan suatu tugas yang berat dan amat mencabar lebih-lebih lagi tokoh yang ingin dibahaskan ini mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang yang lain juga. Penulis tidak akan cuba mengkaji pemikiran Abdul Hayei Abdul Sukor dari segenap sudut secara terperinci memandangkan betapa banyaknya pengaruh pemikiran beliau dalam pelbagai aspek kepada masyarakat dan ummah.

Meskipun tokoh-tokoh alam Melayu dalam bidang hadith agak kurang dikenali di persada antarabangsa, namun tidak bermakna ia tidak memberikan sumbangan sama sekali terhadap kelangsungan disiplin ilmu hadith. Artikel ini akan membincara mengenai pemikiran Abdul Hayei Abdul Sukor dengan mengambil kira pendekatan dan kerangka ideanya melalui penelitian terhadap beberapa penulisan dan syarahannya dalam bidang hadith.

## BIOGRAFI ABDUL HAYEI ABDUL SUKOR

Nama penuh beliau ialah Abdul Hayei bin Abdul Sukor, dilahirkan di Pasir Mas, Kelantan pada 6 November 1947. Beliau merupakan cucu kepada Haji Saad bin Haji Daud atau lebih dikenali sebagai Haji Saad Kangkong yang merupakan salah seorang tokoh ulama' Nusantara yang terkemuka dan antara orang yang bertanggungjawab mengembangkan syiar Islam di Nusantara. Ibu kepada Hayei bernama Siti Zain yang merupakan anak kepada Haji Saad Kangkong. Beliau telah berkahwin dengan Wan Zainab Wan Adam yang berasal dari Pasir Pekan, Kelantan dan dikurniakan sebanyak tujuh orang cahaya mata. Pada tanggal 1 Oktober 2020 pada usia 73 tahun, beliau meninggal dunia di Hospital Kuala Lumpur kerana

pendarahan dalam kepala dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur.

### **Pendidikan**

Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Pondok Pasir Tumboh, Kota Bharu dan Sekolah Menengah di Maahad Muhammadi, Kota Bharu, Kelantan dan Darul Uloom, Deoband, India. Beliau juga berjaya mendapat Ijazah Pertama di Darul Uloom Deoband, India pada tahun 1973. Selepas itu, beliau menyambung pengajian pada peringkat sarjana muda dan sarjana di Universiti al-Azhar (1973-1976) dan mendapat Ijazah Sarjana dalam bidang pengajian al-Quran dan Hadith. Seterusnya, beliau telah melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Ph.D di Universiti Malaya (1988) dengan tesis yang bertajuk: “*Sumbangan Syah Waliyullah al-Dihlawi kepada Pengajian Hadis dan Pengaruhnya di Kelantan*” di bawah seliaan Prof Madya Dr Engku Ibrahim bin Engku Ismail.

Setelah itu, beliau telah memulakan kerjaya sebagai pensyarah di Fakulti Usuluddin, Yayasan Pengajian Tinggi Islam, Kelantan (YPTIK) Nilam Puri. Selepas itu, beliau berkhidmat sebagai pensyarah di Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan pernah memegang jawatan Dekan Fakulti Usuluddin selama beberapa tahun.

### **Sumbangan dan Penghargaan**

Selain daripada pernah berkhidmat sebagai pensyarah, Dr Abdul Hayei juga merupakan salah seorang Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Panel Kajian Akidah di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Ahli Dewan Ulama Majlis Agama Islam Kelantan, Ahli Majlis Perunding Hukum Syarak Wilayah Persekutuan, dan Ahli Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia.

Selain daripada memegang jawatan-jawatan penting, beliau turut menyumbangkan penulisan sebagai kolumnis majalah-majalah ilmiah seperti majalah *Pengasuh*, *Dakwah* dan penulisan artikel. Hayei merupakan seorang yang giat menyampaikan kuliah subuh dan selepas asar di Masjid at-Taqwa Taman Tun Dr Ismail kecuali pada hari minggu. Selain daripada itu, beliau pernah mengajar talaqqi kitab *Riyad al-Salihin* pada tahun 2006. Metode yang digunakan adalah huraian tafsiran hadith secara bersiri mengikut bab dan topik dalam kitab *Riyad al-Salihin*.

Beliau adalah antara penerima anugerah sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 1432H/2011M di Dewan Solat Utama Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya.

### **Keperibadian**

Menurut ahli kariah Masjid Taman Tun Dr Ismail, Hayei merupakan seorang yang baik hati dan seorang yang pakar serta banyak menyumbangkan tenaga kepada agama dan bangsa.<sup>3</sup> Beliau juga sangat aktif berdakwah menyampaikan syarahan agama, kuliah dan tazkirah di seluruh negara selain menjawab persoalan agama menerusi laman web rasminya iaitu <http://www.drhayei.com>.<sup>4</sup>

Selain daripada gigih menyumbang tenaga kepada agama dan bangsa melalui penulisannya mahupun ceramah, beliau juga merupakan seorang bapa yang tegas tetapi penyayang dan sentiasa mengambil berat perihal anak-anaknya.

---

<sup>3</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, Rujuk: laman sesawang *Abdul Hayei Abdul Sukor*, dicapai 9 Febuari 2015, <http://www.drhayei.net/ustazprofil.htm>.

<sup>4</sup> Beliau juga boleh dihubungi menerusi laman webnya, <http://www.drhayei.net>.

## METODE PENYELIDIKAN

Kajian ini menumpukan kepada pemikiran hadith Hayei dari aspek riwayat dan dirayah dalam pelbagai tulisan beliau sama ada kertas kerja, buku dan artikel ilmiah serta penulisan dalam beberapa buah majalah.

Artikel ini mengaplikasi metode analisis kandungan untuk mendapatkan data daripada pelbagai penulisan Hayei, sama ada dalam bentuk bercetak seperti buku dan artikel ilmiah ataupun menerusi laman web beliau. Bagi menganalisis data pula, metode induktif, deduktif dan komparatif digunakan.

## HASIL KAJIAN

### **Pemikiran Hadith**

Hayei telah mengembangkan pemikiran hadithnya melalui penulisan beliau di peringkat Ph.D melalui kajian beliau terhadap tokoh hadith iaitu Shah Waliyullah al-Dihlawi dengan melihat kepada sumbangan tokoh ini kepada ilmu hadith. Beliau dilihat lebih tertarik untuk menganalisis dan merungkai pemikiran hadith dalam kalangan tokoh-tokoh hadith. Beliau juga mendefinisikan hadith dari segi bahasa sebagai sesuatu yang bersifat baru termasuklah ucapan yang diucapkan sama ada sedikit ataupun banyak. Hadith dari segi istilah pula didefinisikan sebagai sesuatu yang disandarkan kepada Nabi SAW sama ada dalam bentuk ucapan, perbuatan, perakuan, bentuk kejadian ataupun akhlak, dan sama ada sebelum atau selepas dibangkitkan menjadi Rasul.

Dalam lain perkataan, setelah memberikan definisi hadith dari segi bahasa dan istilah, Hayei berpandangan pengertian hadith dari segi istilahnya menyamai dengan maksud al-Sunnah dengan istilah yang sama. Hadith juga dibahagikan kepada hadith *marfu'*, *mawquf*, dan *maqtu'*. Menurut beliau lagi, setelah hadith dijadikan sebagai suatu ilmu yang harus dipelajari dan mempunyai kaedah-kaedahnya tersendiri, maka ia didefinisikan sebagai suatu ilmu mengenai kaedah-kaedah yang dengannya dapat dikenalpasti hal-hal yang berkaitan sanad dan matan hadith. Ia terbahagi kepada dua iaitu *'ilm al-Hadith Riwayah* dan *'ilm al-Hadith Dirayah*.

### **Sudut Riwayah Hadith**

Menerusi penulisan beliau dalam tesisnya yang bertajuk: "*Sumbangan Syah Waliyullah al-Dihlawi kepada Pengajian Hadis dan Pengaruhnya di Kelantan*", al-Dihlawi merupakan seorang mujaddid (reformis) agama Islam bagi abad ke-12 H. Perkara ini dibuktikan melalui penulisan penulis seperti Abu al-'Ala al-Mawdudi yang mencatatkan biografi al-Dihlawi dan mengakui bahawa beliau seorang *mujaddid* yang dilahirkan pada abad ke-12 H.

Hayei telah membawa pandangan al-Dihlawi berkaitan al-Sunnah sebagai sumber hukum yang mana ia merupakan sumber rujukan kedua bagi perundangan Islam dan juga sebagai pentafsir kepada al-Quran. Al-Dihlawi juga menekankan agar Sunnah Rasulullah diikuti setepat yang mungkin dan membelakanginya merupakan suatu penyelewengan dari ajaran Islam yang sebenar. Ayat-ayat al-Quran juga banyak memperkatakan mengenai kewajipan mentaati Rasulullah SAW dan mengaitkannya dengan ketaatan kepada Allah dengan ketaatan kepada Nabi-Nya, kemudian menyebut al-Quran dan al-Sunnah secara tidak terpisah. Selain itu, terdapat juga keterangan hadith yang menunjukkan kepentingan al-Sunnah yang dipelajari secara tidak terpisah dari al-Quran dan begitu juga pendapat para ulama' yang juga bersepakat bahawa wajib beramal dengan al-Sunnah serta menerimanya sebagai pentafsir kepada al-Quran. Selain daripada pandangan al-Dihlawi berkaitan al-Sunnah sebagai sumber hukum, Hayei turut membahas pandangan al-Dihlawi terhadap

hadith dari aspek *tashri'i* dan tidak *tashri'i* dan pandangan al-Dihlawi terhadap al-Sunnah sebagai penjelas kepada al-Quran.

Seterusnya, Hayei juga telah menghasilkan karya mengenai Imam Malik yang bertajuk '*Imam Malik: Sejarah dan Pemikiran*'. Ia pada asalnya merupakan kertas kerja yang dibentangkan sempena Majlis Tazkirah Kali Kelapan anjuran Yayasan Islam Terengganu. Beliau turut membahas prinsip terhadap sumber-sumber pemikiran Imam Malik. Salah satu prinsip Imam Malik adalah berpegang kepada al-Hadith al-Nabawi. Menurut Hayei, Imam Malik merupakan antara pemimpin besar dalam pengajian hadith dan kewibawaannya terserlah dengan pelbagai pujian terhadap jalan-jalan riwayatnya seperti *Asahh al-Asanid* dan *Silsilat al-Dhahab*. Namun begitu, menurut Hayei, Imam Malik menerima pakai juga Hadith Mursal sekiranya jalan riwayatnya diperkukuhkan dengan perawi-perawi yang thiqah (dipercayai kejujurannya). Oleh yang demikian, apabila menyemak karya Imam Malik iaitu *al-Muwatta'*, hadith-hadith bertaraf ini banyak dimuatkan di dalamnya.

Hayei menyatakan, banyak ulasan dilakukan berkenaan pandangan Imam Malik terhadap Qiyas, sama ada ia harus mendahului Hadith Ahad. Majoriti menyatakan Imam Malik berpendapat Khabar Ahad hendaklah didahulukan berbanding Qiyas. Namun, Imam Malik juga menolak sekiranya Khabar Ahad yang diriwayatnya dengan al-Ra'y.

Dalam kesempatan yang lain, Hayei turut menulis artikelnya yang bertajuk '*Hadith-hadith Da'if Dalam Ihya' Ulumuddin*', menurut beliau Imam al-Ghazali merupakan seorang tokoh yang ahli dalam bidang fiqh dan usulnya. Ketika beliau menghasilkan artikel ini, beliau bertujuan untuk menilai dan menganalisis secara ringkas hadith-hadith yang digunakan oleh al-Ghazali menerusi karya *Ihya' Ulumuddin*. Beliau berpendapat al-Ghazali tidak begitu cermat dalam memilih hadith untuk dijadikan sandaran dalam penulisannya menerusi *Ihya' Ulumuddin*. Hayei menyatakan karya *Ihya' Ulumuddin* mengandungi sebilangan besar hadith Rasulullah SAW yang sahih dan tidak sahih. Dalam komentar beliau mengenai al-Ghazali, beliau membawa pernyataan yang disebut oleh Ibn Taimiyyah mengenai al-Ghazali di mana di akhir kehidupan al-Ghazali, beliau banyak menghabiskan masanya untuk membaca kitab hadith *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim* dan lain-lain. Tambahan pula, Hayei menegaskan keyakinannya jika al-Ghazali meluangkan masa pada permulaan hidupnya secara ilmiah, pasti akan lahir sebuah *Ihya'* yang jauh lebih baik memandangkan al-Ghazali tidak berpeluang menyemak kembali hadith-hadith yang dititipnya dalam *Ihya'*. Melalui penulisan Hayei ini, dapatlah difahami bahawa beliau merupakan antara tokoh yang memperjuangkan penggunaan hadith yang tepat dan sahih di samping mengelakkan penggunaan hadith da'if dalam berhujah.

Hayei juga didapati turut menulis beberapa artikel lain di dalam majalah *Pengasuh* yang mengulas topik berkenaan tokoh-tokoh yang berpengaruh dalam bidang hadith seperti '*al-Hakim al-Tirmizi dan Hubungannya dengan al-Sunnah*', '*Haji As'ad bin Haji Daud Kangkong*', '*Berjalan bersama ulama*'-Muhammad Yasin Isa al-Fadani' dan lain-lain.

### **Sudut Sharh Hadith**

Kegigihan Hayei dapat dibuktikan dengan lahirnya sebuah karya yang bertajuk '*Ulasan dan Terjemahan Hadith 40*', beliau menyatakan para ulama' bersepakat harus beramal dengan hadith da'if dalam urusan *fada'il a'mal* (kelebihan-kelebihan amalan), namun ia tidaklah menjadi dasar pegangannya. Karya ini merupakan hadith-hadith yang dikumpulkan meliputi semua bidang seperti prinsip-prinsip agama dan *furu'*, tentang jihad, tentang zuhud, tentang adab, dan tentang khutbah-khutbah Rasulullah SAW. Tambahan pula, hadith-hadith yang disusun di dalam karyanya ini adalah antara hadith yang pernah diulas oleh Hayei di dalam majalah *Pengasuh*.

Beliau menjelaskan bahawa menerusi karya ini, hadith-hadith yang dimuatkan semuanya hadith sahih dan kebanyakannya adalah daripada *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*. Metode yang digunakan pula ialah hadith-hadith yang disebutkan dalam karyanya adalah tanpa sanad supaya mudah untuk dihafal dan lebih banyak manfaatnya. Seterusnya hadith-hadith tersebut dihuraikan lafaz-lafaznya yang tersembunyi maksudnya. Selain daripada itu, hadith-hadith tersebut diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu dan diikuti dengan huraian terhadap kepentingan hadith tersebut yang dinyatakan secara ringkas dengan menyatakan pandangan para *muhaddithin* ataupun pendapat beliau sendiri. Bagi setiap hadith yang diulasnya juga, beliau meletakkan pengajaran hadith di akhir huraian berkenaan hadith tersebut dan beliau turut meletakkan rujukan yang digunakan dengan menamakannya sebagai nota bab.

Seperti contoh, hadith pertama yang diulas beliau yang bertajuk *Peranan Niat Dalam Amalan*. Beliau mengemukakan sanad dan matan hadith tersebut disusuli dengan terjemahan ke dalam Bahasa Melayu. Beliau kemudian membincangkan hadith tersebut dalam beberapa sudut seperti *Niat Sebagai Pengukur Amalan*, *Kesan Niat Dalam Penerimaan Sesuatu Amalan*, dan *Sebab Berlakunya Hadith*. Setelah itu, beliau meletakkan pula pengajaran yang diperoleh daripada hadith.

Ketekunan Hayei menelusuri karya-karya hadith tidak dapat dinafikan kerana beliau telah menghasilkan beberapa buah artikel yang mengulas karya hadith seperti yang dinukilnya dalam majalah Pengasuh *Riyad al-Salihin* berdasarkan kitab yang bertajuk ‘*Terjemahan dan Ulasan Kitab Riyad al-Salihin Karangan al-‘Arif billah al-Imam al-Nawawi*’, ‘*Dunia Bagaikan Pasar Tempat Membeli-belah*’, dan lain-lain.

### **Sudut Dirayah Hadith**

Menerusi penulisan Hayei dalam tesisnya, beliau telah membahas elemen sanad hadith daripada tokoh hadith yang terpengaruh dengan pemikiran Shah Waliyullah al-Dihlawi di Kelantan iaitu Tok Khurasan. Beliau telah menghuraikan berkenaan sanad hadith Tok Khurasan yang mempunyai sanad bagi kitab-kitab hadith sunan yang enam dan lain-lainnya yang bersambung kepada Rasulullah SAW, menerusi jalan Shah Waliyullah al-Dihlawi, yang diterima dari gurunya Mawlana Mahmud al-Hasan al-Deobandi. Menerusi sanad ini, Tok Khurasan pada hemat Hayei telah menerima sanad yang tinggi menerusi gurunya Mawlana Mahmud al-Hasan al-Deobandi yang diperolehnya di Darul Uloom, Deoband. Hal ini menunjukkan beliau mahir dalam ilmu sanad. Menurut Hayei, kepentingan sanad kepada sesebuah hadith lebih diperlukan apabila sesebuah hadith itu masih belum dibukukan dalam mana-mana kitab atau hanya berada dalam ingatan dan hafazan para muhaddithin.

Bagi memastikan sesebuah hadith itu dinilai sahih ia perlulah dilihat melalui kritikan terhadap sanad. Oleh yang demikian, menurut Hayei menerusi artikelnya ‘*Hadith Sahih: Antara Metodologi dan Kasyaf Sufi*’, terdapat sekurang-kurangnya tiga syarat yang perlu dilengkapkan untuk memenuhi kritikan tersebut. Syarat pertama mestilah berhubung sanad iaitu sanad hendaklah berhubung dari perawi awal sehingga akhir. Syarat kedua hendaklah perawinya adil mengikut ukuran dalam neraca pengajian *al-Jarh wa al-Ta’dil* dan yang ketiga hendaklah perawi itu seorang yang dabit iaitu hafalan perawi hendaklah pada tahap *muntaẓ* (cemerlang) atau *jayyid jiddan* (cemerlang) dan sekiranya didapati ia lebih rendah daripada itu, maka sesebuah hadith itu hanya bertaraf hasan. Walaupun kesahihan pada sanad tidak semestinya menjamin kesahihan terhadap matannya, namun menurut Hayei, pada kebiasaannya, kesahihan sanad membawa kepada kesahihan matan kecuali dalam keadaan-keadaan yang tertentu. Selain daripada itu, beliau menegaskan bukan sahaja ukuran kesahihan ditentukan oleh *isnad*, akan tetapi perbezaan antara hadith dan bukan hadith juga ditentukan oleh *isnadnya*. Hal ini menunjukkan penelitian dan penjagaan terhadap sanad

adalah sangat penting dalam kritikan terhadap sesebuah hadith. Beliau juga menyatakan untuk menyempurnakan lagi sesebuah hadith itu dinilai sahih, hendaklah dilihat juga pada matan hadith tersebut. Pertama, hendaklah tiada *shaz* pada matan hadith iaitu hendaklah perawi hadith yang *thiqah* (boleh dipercayai) tidak meriwayatkan hadith yang bersalahan dengan riwayat yang lebih *thiqah* daripadanya. Seterusnya yang kedua adalah hendaklah tiada *'illah* pada matan hadith.

### **Karya-karyanya**

Dalam bidang hadith, antara karya-karya yang telah dihasilkan adalah '*Ulasan dan Terjemahan Hadith 40*', '*Imam Malik: Sejarah dan Pemikiran*', '*Hadis Maudhu: Sejarah dan Konsep*'. Selain daripada itu, beliau juga telah menulis tesis Ph.Dnya yang bertajuk: "*Sumbangan Syah Waliyullah al-Dihlawi kepada Pengajian Hadis dan Pengaruhnya di Kelantan*", yang juga dalam bidang hadith. Kehadiran penulisan-penulisan beliau yang menyentuh pelbagai aspek cukup mengkagumkan kerana hal ini memerlukan kepada kepakaran dalam mengulas dan meneliti sesuatu perkara.

Lantaran itu, beliau turut menyumbangkan artikelnya dan dimuatkan dalam majalah ilmiah yang berkaitan hadith seperti majalah *Pengasuh* dengan tajuk yang pelbagai, antaranya:

1. '*Hadith-hadith Da 'if dalam Ihya' 'Ulumuddin*'
2. '*Peranan Niat di dalam Amalan*'
3. '*Islam, Iman, dan Ihsan*'<sup>5</sup>
4. '*Proses Kejadian Manusia dan Kesudahannya*'<sup>6</sup>
5. '*Membasmi Amalan Khurafat dan Bid'ah*'<sup>7</sup>
6. '*Halal Haram dan Shubuhah*'<sup>8</sup>
7. '*Agama itu Ialah Nasihat*'<sup>9</sup>
8. '*Mengambil Yang Yakin dan Tinggal Yang Meragukan*'<sup>10</sup>
9. '*al-Hakim al-Tirmizi dan Hubungannya dengan al-Sunnah*'
10. '*Meninggalkan Kerja Yang Tidak Berguna*'<sup>11</sup>
11. '*Persaudaraan, Iman dan Islam*'<sup>12</sup>
12. '*Sebab-sebab Kehormatan Darah Digugurkan*'<sup>13</sup>

---

<sup>5</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, '*Islam, Iman, dan Ihsan*', *Pengasuh*, Bil. 505 Julai/Ogos 1990, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1990).

<sup>6</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, '*Proses Kejadian Manusia dan Kesudahannya*', *Pengasuh*, Bil. 509 Februari 1991, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1991).

<sup>7</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, '*Membasmi Amalan Khurafat dan Bid'ah*', *Pengasuh*, Bil. 510 Mac 1991, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1991).

<sup>8</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, '*Halal Haram dan Shubuhah*', *Pengasuh*, Bil. 511 April 1991, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1991).

<sup>9</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, '*Agama itu Ialah Nasihat*', *Pengasuh*, Bil. 512 Jun 1991, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1991).

<sup>10</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, '*Mengambil Yang Yakin dan Tinggal Yang Meragukan*', *Pengasuh*, Bil. 520 Jun 1992, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1992).

<sup>11</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, '*Meninggalkan Kerja Yang Tidak Berguna*', *Pengasuh*, Bil. 522 September 1992, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1992).

<sup>12</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, '*Persaudaraan, Iman dan Islam*', *Pengasuh*, Bil. 523 Oktober/November 1992, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1992).

<sup>13</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, '*Sebab-sebab Kehormatan Darah Digugurkan*', *Pengasuh*, Bil. 524 Disember 1992, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1992).

13. 'Ciri-ciri Kesempurnaan Iman'<sup>14</sup>
14. 'Jangan Lekas Marah'<sup>15</sup>
15. 'Berlaku Ihsan Dalam Semua Perkara'<sup>16</sup>
16. 'Bertaqwa dan Berbudi Pekerti Mulia'<sup>17</sup>
17. 'Hadith-hadith Yang Tidak Sahih Mengenai Haji'<sup>18</sup>
18. 'Benarkah Hadith-hadith Ziarah Makam Rasulullah Itu Maudhu'?'<sup>19</sup>
19. 'Kedudukan Hadis Syafaat dari Ziarah Makam Rasulullah'<sup>20</sup>
20. 'Sejarah Pengajian Hadis di Kota Bharu'<sup>21</sup>
21. 'Hadith Sahih; Antara Metodologi dan Kasyaf Sufi'
22. 'Terjemahan dan Ulasan Kitab Riyad al-Salihin Karangan Imam al-Nawawi'
23. 'Terjemahan dan Ulasan Kitab Riyad al-Salihin (2)'
24. 'Hadith-Hiasi Diri dengan Sifat Rela dan Syukur'<sup>22</sup>
25. 'Hadith -Bersabar atas Kewafatan Rasulullah'<sup>23</sup>
26. 'Hadith: Hidup dan Mati pada Tangan Allah'<sup>24</sup>
27. 'Hadith -Menghadapi Pemergian Orang Yang Tersayang'<sup>25</sup>
28. 'Haji As'ad bin Haji Daud Kangkong'
29. 'Berjalan bersama ulama'-Muhammad Yasin Isa al-Fadani'
30. 'Hadith Riyad al-Salihin-Meniti Jambatan Ke Syurga'<sup>26</sup>
31. 'Hadith Riyad al-Salihin: Sakit Adalah Ujian Allah; Justeru Bersabar Menghadapinya'<sup>27</sup>
32. 'Hadith Riyad al-Salihin: Bersabar atas Kehilangan Penglihatan Mata'<sup>28</sup>

- 
- <sup>14</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, 'Ciri-ciri Kesempurnaan Iman', *Pengasuh*, Bil. 525 Januari/Februari 1993, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1993).
  - <sup>15</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, 'Jangan Lekas Marah', *Pengasuh*, Bil. 526 Mac/April 1993, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1993).
  - <sup>16</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, 'Berlaku Ihsan Dalam Semua Perkara', *Pengasuh*, Bil. 527 Mei/Jun 1993, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1993).
  - <sup>17</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, 'Bertaqwa dan Berbudi Pekerti Mulia', *Pengasuh*, Bil. 530 November/Disember 1993, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1993).
  - <sup>18</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, 'Hadith-hadith Yang Tidak Sahih Mengenai Haji', *Pengasuh*, Bil. 534 Julai/Ogos 1994, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1994).
  - <sup>19</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, 'Benarkah Hadith-hadith Ziarah Makam Rasulullah Itu Maudhu'?', *Pengasuh*, Bil. 535 September/Okttober 1994, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1994).
  - <sup>20</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, 'Kedudukan Hadis Syafaat dari Ziarah Makam Rasulullah', *Pengasuh*, Bil. 539 Mei/Jun 1994, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1994).
  - <sup>21</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, 'Sejarah Pengajian Hadis di Kota Bharu', *Pengasuh*, Bil. 543 Mei/Jun 1996, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1996).
  - <sup>22</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, 'Hadith -Bersabar Atas Kewafatan Rasulullah', *Pengasuh*, Bil. 592 Mei/Jun 2005, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 2005).
  - <sup>23</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, 'Hadith-Bersabar atas Kewafatan Rasulullah', *Pengasuh*, Bil. 594 September/Okttober 2005, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 2005).
  - <sup>24</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, 'Hadith: Hidup dan Mati Pada Tangan Allah', *Pengasuh*, Bil. 595 November/Disember 2005, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 2005).
  - <sup>25</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, 'Hadith -Menghadapi Pemergian Orang Yang Tersayang', *Pengasuh*, Bil. 596 November/Disember 2006, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 2006).
  - <sup>26</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, 'Hadith Riyad al-Salihin-Meniti Jambatan Ke Syurga', *Pengasuh*, Bil. 597 Mac/April 2006, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 2006).
  - <sup>27</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, 'Hadith Riyad al-Salihin: Sakit Adalah Ujian Allah; Justeru Bersabar Menghadapinya', *Pengasuh*, Bil. 598 Mei/Jun 2006, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 2006).
  - <sup>28</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, 'Hadith Riyad al-Salihin: Bersabar Atas Kehilangan Penglihatan Mata', *Pengasuh*, Bil. 599 Julai/Ogos/September 2006, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 2006).



33. *'Mencari Rezeki dari Titik Peluh Sendiri'*<sup>29</sup>
34. *'Pesakit Jiwa Perlu Melihat ke Bawah'*<sup>30</sup>
35. *'Ramadhan Bulan Penuh Berkah'*<sup>31</sup>
36. *'Islam dibina di atas Prinsip Suci Hati'*<sup>32</sup>
37. *'Iman dan Istiqamah'*<sup>33</sup>

Berdasarkan hasil penulisan beliau ini, dapatlah difahami bahawa Hayei seorang yang sangat komited dalam pengulasan hadith dan kebanyakannya dimuatkan dalam artikel-artikel dalam majalah ilmiah.

Tegasnya, Hayei begitu menekankan penggunaan hadith yang tepat dan sahih di samping menghindari penggunaan hadith da'if sebagai sumber dalam berhujah. Malah dalam isu beramal dengan hadith da'if, sekalipun ulama bersepakat akan keharusan beramal dengannya, namun beliau tidak menjadikannya sebagai dasar pegangan. Itulah ketegasan dan pendirian Hayei mengenai hadith da'if.

## KESIMPULAN

Meskipun telah terdapat ramai tokoh yang telah mendahului usaha Hayei, namun kelompangan tetap ditemui disebabkan bidang hadith masih dilihat baru terutamanya di Malaysia dan perkembangannya belum begitu rancak. Penyebaran hadith-hadith da'if dan palsu masih terus berleluasa menunjukkan perlu ada usaha yang berterusan dalam memberi kefahaman kepada masyarakat akan ilmu hadith yang benar. Hal ini menunjukkan warisan turun-temurun yang benar terutamanya dalam pemeliharaan hadith dan penyebarannya perlu dihargai dan ditonjolkan bagi menyelamatkannya daripada unsur-unsur penukaran, pemalsuan dan penyelewengan.

Dapatlah ditarik kesimpulan bahawa Hayei antara tokoh yang memperjuangkan penggunaan hadith yang tepat dan sahih di samping mengelakkan penggunaan hadith da'if dalam berhujah yang melibatkan urusan akidah dan ibadah. Beliau juga seorang yang tegas pendirian dan mempunyai pandangan yang tersendiri mengenai isu beramal dengan hadith da'if dalam urusan *fada'il a'mal*, dengan memilih pandangan yang tidak menjadi dasar pegangannya.

Peranan dan sumbangan Hayei dalam mengangkat kedudukan hadith tidak dapat dinafikan kerana ia dibuktikan melalui konsistensinya dalam menulis dan menyebarkan ilmu hadith. Kepelbagaian corak penulisan beliau dalam memberikan kefahaman terhadap ilmu hadith dan bersandarkan kepada penggunaan hadith-hadith sahih dalam berhujah menunjukkan kepakaran dan kualiti yang ada padanya yang harus diketengahkan.

---

<sup>29</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, *'Mencari Rezeki dari Titik Peluh Sendiri'*, *Pengasuh*, Bil. 600, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, t.t.).

<sup>30</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, *'Pesakit Jiwa Perlu Melihat ke Bawah'*, *Pengasuh*, Bil. 604, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, t.t.).

<sup>31</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, *'Ramadhan Bulan Penuh Berkah'*, *Pengasuh*, Bil. 605, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, t.t.).

<sup>32</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, *'Islam Dibina di atas Prinsip Suci Hati'*, *Pengasuh*, Bil. 606, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, t.t.).

<sup>33</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor, *'Iman dan Istiqamah'*, *Pengasuh*, Bil. 609, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, t.t.).

## RUJUKAN

- 'Ajjaj al-Khatib, Muhammad, *Usul al-Hadith 'Ulumuhu wa Mustalahuh*, (Beirut: Dar al-Fikr, 1971).
- Abdul Hayei Abdul Sukor, 'Agama itu Ialah Nasihat', *Pengasuh*, Bil. 512 Jun 1991, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1991).
- \_\_\_\_\_, 'al-Hakim al-Tirmizi dan Hubungannya dengan al-Sunnah', *Pengasuh*, Bil. 522 September 1992, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1992).
- \_\_\_\_\_, 'Benarkah Hadith-hadith Ziarah Makam Rasulullah Itu Maudhu'?', *Pengasuh*, Bil. 535 September/Oktober 1994, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1994).
- \_\_\_\_\_, 'Berjalan bersama ulama' - Muhammad Yasin Isa al-Fadani', *Pengasuh*, Bil. 603, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, t.t.).
- \_\_\_\_\_, 'Berlaku Ihsan Dalam Semua Perkara', *Pengasuh*, Bil. 527 Mei/Jun 1993, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1993).
- \_\_\_\_\_, 'Bertaqwa Dan Berbudi Pekerti Mulia', *Pengasuh*, Bil. 530 November/Disember 1993, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1993).
- \_\_\_\_\_, 'Ciri-ciri Kesempurnaan Iman', *Pengasuh*, Bil. 525 Januari/Februari 1993, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1993).
- \_\_\_\_\_, 'Hadith -Bersabar Atas Kewafatan Rasulullah', *Pengasuh*, Bil. 592 Mei/Jun 2005, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 2005).
- \_\_\_\_\_, 'Hadith -Menghadapi Pemergian Orang Yang Tersayang', *Pengasuh*, Bil. 596 November/Disember 2006, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 2006).
- \_\_\_\_\_, 'Hadith Riyad Al-Salihin: Bersabar Atas Kehilangan Penglihatan Mata', *Pengasuh*, Bil. 599 Julai/Ogos/September 2006, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 2006).
- \_\_\_\_\_, 'Hadith Riyad Al-Salihin: Sakit Adalah Ujian Allah; Justeru Bersabar Menghadapinya', *Pengasuh*, Bil. 598 Mei/Jun 2006, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 2006).
- \_\_\_\_\_, 'Hadith Riyad Al-Salihin-Meniti Jambatan Ke Syurga', *Pengasuh*, Bil. 597 Mac/April 2006, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 2006).
- \_\_\_\_\_, 'Hadith: Hidup Dan Mati Pada Tangan Allah', *Pengasuh*, Bil. 595 November/Disember 2005, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 2005).
- \_\_\_\_\_, 'Hadith-Bersabar Atas Kewafatan Rasulullah', *Pengasuh*, Bil. 594 September/Oktober 2005, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 2005).
- \_\_\_\_\_, 'Hadith-hadith Da'if dalam Ihya' 'Ulumuddin', *Pengasuh*, Bil. 426 September/Oktober 1977, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1991).
- \_\_\_\_\_, 'Hadith-hadith Yang Tidak Sahih Mengenai Haji', *Pengasuh*, Bil. 534 Julai/Ogos 1994, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1994).

- \_\_\_\_\_, *'Hadith Sahih: Antara Metodologi dan Kasyaf Sufi'*, *Pengasuh*, Bil. 569 April/Jun 2001, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 2001), 10.
- \_\_\_\_\_, *'Haji As'ad bin Haji Daud Kangkong'*, *Pengasuh*, Bil. 601, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, t.t.).
- \_\_\_\_\_, *'Halal Haram dan Shubuhah'*, *Pengasuh*, Bil. 511 April 1991, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1991).
- \_\_\_\_\_, *'Iman Dan Istiqamah'*, *Pengasuh*, Bil. 609, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, t.t.).
- \_\_\_\_\_, *'Islam Dibina Di atas Prinsip Suci Hati'*, *Pengasuh*, Bil. 606, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, t.t.).
- \_\_\_\_\_, *'Islam, Iman, dan Ihsan'*, *Pengasuh*, Bil. 505 Julai/Ogos 1990, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1990).
- \_\_\_\_\_, *'Jangan Lekas Marah'*, *Pengasuh*, Bil. 526 Mac/April 1993, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1993).
- \_\_\_\_\_, *'Kedudukan Hadis Syafaat Dari Ziarah Makam Rasulullah'*, *Pengasuh*, Bil. 539 Mei/Jun 1994, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1994).
- \_\_\_\_\_, *'Membasmi Amalan Khurafat dan Bid'ah'*, *Pengasuh*, Bil. 510 Mac 1991, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1991).
- \_\_\_\_\_, *'Mencari Rezeki Dari Titik Peluh Sendiri'*, *Pengasuh*, Bil. 600, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, t.t.).
- \_\_\_\_\_, *'Mengambil Yang Yakin dan Tinggal Yang Meragukan'*, *Pengasuh*, Bil. 520 Jun 1992, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1992).
- \_\_\_\_\_, *'Meninggalkan Kerja Yang Tidak Berguna'*, *Pengasuh*, Bil. 522 September 1992, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1992).
- \_\_\_\_\_, *'Peranan Niat di dalam Amalan'*, *Pengasuh*, Bil. 504 Mei/Jun 1990, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1990).
- \_\_\_\_\_, *'Persaudaraan, Iman dan Islam'*, *Pengasuh*, Bil. 523 Oktober/November 1992, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1992).
- \_\_\_\_\_, *'Pesakit Jiwa Perlu Melihat ke Bawah'*, *Pengasuh*, Bil. 604, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, t.t.).
- \_\_\_\_\_, *'Proses Kejadian Manusia dan Kesudahannya'*, *Pengasuh*, Bil. 509 Februari 1991, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1991).
- \_\_\_\_\_, *'Ramadhan Bulan Penuh Berkah'*, *Pengasuh*, Bil. 605, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, t.t.).
- \_\_\_\_\_, *'Sebab-sebab Kehormatan Darah Digugurkan'*, *Pengasuh*, Bil. 524 Disember 1992, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1992).
- \_\_\_\_\_, *'Sejarah Pengajian Hadis Di Kota Baharu'*, *Pengasuh*, Bil. 543 Mei/Jun 1996, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 1996).
- \_\_\_\_\_, *'Terjemahan dan Ulasan Kitab Riyad al-Salihin Karangan al-'Arif billah al-Imam al-Nawawi'*, *Pengasuh*, Bil. 580 Mei/Jun 2003, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 2003).
- \_\_\_\_\_, *'Terjemahan dan Ulasan Kitab Riyad al-Salihin Karangan al-'Arif billah al-Imam al-Nawawi'*, *Pengasuh*, Bil. 581 Julai/Ogos 2003, (Kota Bharu, Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 2003).
- \_\_\_\_\_, *Imam Malik: Sejarah dan Pemikiran*, (Terengganu: Bahagian Penyelidikan dan Penerbitan Yayasan Islam Terengganu, 1999).

- \_\_\_\_\_, *Tafsir Pedoman Muttaqin (Juzuk 29)*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2005).
- \_\_\_\_\_, *Ulasan dan Terjemahan Hadith 40*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, 1995).
- \_\_\_\_\_, *Sumbangan Shah Waliyullah Al-Dihlawi Kepada Ilmu Hadith Dan Pengaruhnya di Kelantan* (Tesis Kedoktoran, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 1988).
- Abu al-'Ala al-Mawdudi, *Mujaz Tarikh Tajdid al-Din wa Ihya'uh*, (Beirut: Dar al-Fikr, 1967).
- Faisal bin Ahmad Shah, "Pelajar-pelajar Malaysia di Institusi-institusi Pengajian Islam di India: Analisis Bermula Dari Tahun 1947 Sehingga 1990", *Jurnal al-Tamaddun, Bil 4* (2009).
- Imam Abu Zakariya Yahya bin Sharf al-Nawawi, *Riyad al-Salihin min Kalam Sayyid al-Mursalin*, ed. ke-8 (Kaherah: Maktabah al-Mawrid, 2006).
- Imam al-Hafidh Ibn Hajar Ahmad bin 'Ali bin Muhammad bin 'Ali bin Mahmud al-'Asqalani al-Syafie, *Nuzhah al-Nazar fi Sharh Nukhbat al-Fikar*, (Jeddah: Maktabah Jeddah, 1406H).
- Ismail Che Daud, *Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*, (Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1988).
- Laman sesawang Abdul Hayei Abdul Sukor, <http://www.drhayei.net/ustazprofil.htm>.
- Laman sesawang mStar, <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2011/02/16/dr-abdul-hayei--penerima-anugerah-perdana-maulidur-rasul-2011/>.
- Laman sesawang myMetro, [http://www2.hmetro.com.my/myMetro/articles/Duafungsidunia/Article/index\\_html](http://www2.hmetro.com.my/myMetro/articles/Duafungsidunia/Article/index_html),  
 rujuk juga:
- Laman sesawang Utusan Online, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0215&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt\\_11.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0215&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_11.htm).
- Laman sesawang, Abdul Hayei Abdul Sukor, dicapai 13 Febuari 2015, <http://www.drhayei.com/2010/07/tokoh-islam.html>.
- Mohd Army Yusop, *Pengajian Hadith di Madrasah Miftahul Ulum, Sri Petaling, Kuala Lumpur*. Disertasi Sarjana Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2011). <http://studentsrepo.um.edu.my/5195/>
- Muhammad Jamal al-Din al-Qasimi, *Qawa'id al-Tahdith min Funun Mustalah al-Hadith*, (Kaherah, Dar Ihya' al-Kutub, 1961).
- Shah Waliyullah al-Dihlawi, *Hujjah Allah al-Balighah*, (Kaherah: Dar al-Kutub al-Hadithah, t.t.).